

# PM: Harapan BN cerah di Kelantan

Oleh WAN AHMAD HASSAN

KOTA BHARU 22 Feb. — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) mempunyai harapan cerah untuk menawan semula Kelantan dalam pilihanraya umum akan datang.

Beliau menegaskan, keyakinan ini adalah berdasarkan perubahan sikap di kalangan rakyat Kelantan kebelakangan ini terutama sekali kemasukan ahli-ahli Pas dan Parti Melayu Semangat 46 ke dalam UMNO.

"Kita berpendapat bahawa Barisan Nasional dan UMNO mempunyai peluang dan bukan tidak ada peluang langsung menawan semula Kelantan," ujar beliau.

Perdana Menteri melahirkan keyakinan ini kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan dengan ahli-ahli jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO negeri di sini hari ini.

"Kita berpendapat bahawa rakyat Ke-

lantan sudah menukar pendirian. Kalau dahulu (1990) perpecahan yang ketara berlaku sehingga ahli-ahli UMNO meninggalkan parti, sekarang mereka sudah bersatu. **[Lagi berita dan gambar di muka 2]**

"Bilangan ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan Pas yang menyertai UMNO meyakinkan kita untuk menang di Kelantan," katanya.

Dalam pilihanraya lalu katanya, UMNO hanya tewas dengan jumlah undi yang sedikit sahaja dan UMNO yakin dan percaya dengan kepimpinan yang ada sekarang mereka mempunyai kewibawaan dan sikap yang sesuai dengan kehendak parti.

Beliau memberitahu bahawa dalam pilihanraya akan datang BN akan mengemukakan manifesto khas untuk Kelantan.

Mengenai calon BN bagi Kelantan, Dr. Mahatir berkata, apa yang penting calon yang dipilih mestilah berkemampuan untuk menang. Mereka akan terdiri daripada muka lama dan baru.